

**Majlis Makan Malam Sempena Lawatan Rasmi Ke Malaysia Oleh Yang Mulia Shaikh Khalifa Bin Salman Al-Khalifa Perdana Menteri Bahrain**

Seri Perdana, Putrajaya 29 Januari 2001

Saya bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia seluruhnya, berasa amat gembira kerana dapat mengalu-alukan kedatangan Yang Mulia dan ahli-ahli delegasi Bahrain ke Malaysia dalam rangka lawatan rasmi yang bersejarah ini.

2. Kami berasa amat berbesar hati kerana dapat menyambut Yang Mulia sebagai Ketua Kerajaan sebuah negara yang sejak dulu lagi mempunyai hubungan yang erat dan mesra dengan Malaysia.

3. Malaysia sedar betapa pentingnya pertukaran lawatan di peringkat tinggi kerana ia dapat meningkatkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara Islam yang sememangnya akrab. Saya merasa yakin bahawa lawatan Yang Mulia ini akan menyumbang secara positif ke arah mencapai matlamat ini.

4. Masih segar lagi dalam ingatan saya mengenai lawatan saya ke negara Bahrain hampir empat tahun dahulu di mana Yang Mulia dan rakyat Bahrain telah menyambut kedatangan saya dengan penuh akrab dan mesra. Saya berasa gembira kerana mendapati ada peningkatan lawatan peringkat tinggi oleh pemimpin-pemimpin kedua-dua negara semenjak lawatan itu, termasuk lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Manama baru-baru ini yang sangat berjaya. Malaysia, sebaliknya telah juga menerima beberapa kunjungan dari pelawat-pelawat Bahrain. Ini jelas membuktikan bahawa perkembangan hubungan di antara kedua-dua negara kita mencakupi semua bidang yang mempunyai kepentingan bersama. Dengan termeterinya Perjanjian Pengelakan Cukai Dua Kali dan Perjanjian Jaminan Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan tidak lama dulu, saya yakin hubungan ekonomi kedua-dua negara akan terus meningkat. Manakala dengan termeterinya hari ini Memorandum Persefahaman (MOU) bertujuan menubuhkan satu Suruhanjaya Bersama bagi Kerjasama Dua Hala di antara Malaysia-Bahrain, akan menambahkan lagi keamatan perhubungan kedua-dua negara.

5. Walaupun hubungan baik di antara Kerajaan dengan Kerajaan adalah penting, namun pihak swasta kedua-dua negara juga berperanan dalam menggalakkan dan membangunkan hubungan kedua-dua negara. Cabaran bagi sektor swasta ialah bagi mengambil kesempatan di atas rangka kemudahan yang sedia ada dan hubungan akrab yang telah terjalin di antara kedua-dua negara dengan tujuan untuk menerokai peluang kerjasama yang terdapat di Malaysia dan Bahrain. Satu contoh yang baik ialah

di dalam sektor kerjasama kewangan termasuklah perbankan Islam.

6. Malaysia berasa sukacita mendapati Bahrain sentiasa mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan seringkali memberikan galakan-galakan yang menarik bagi pelabur-pelabur. Keputusan Kerajaan Bahrain mempercepatkan lagi tarikh penurunan tarif bagi barangan import ke paras di antara 5.7 peratus ke 7.5 peratus daripada tarikh 2005 yang dipersetujui oleh Majlis Kerjasama Teluk atau GCC kepada 2003 akan mempertingkatkan lagi perkembangan perdagangan di rantau Teluk. Malaysia, sebagai sebuah negara perdagangan, sentiasa menyambut baik sebarang langkah bagi memudahkan perdagangan yang akan membawa kepada kemakmuran ekonomi kedua-dua negara.

7. Selain kerjasama ekonomi, Malaysia dan Bahrain juga turut bekerjasama dalam bidang-bidang lain seperti pembangunan sumber manusia, pertukaran kemahiran dan berbagai-bagai lagi. Malaysia akan terus memberi tempat kepada warganegara Bahrain di pelbagai institusi pengajian tinggi dan pusat latihannya di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia kepada Bahrain. Kemudahan pengajian yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia tiada tandingannya di rantau ini dan sekarang ini terdapat penuntut daripada lebih seratus negara yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia. Malaysia seharusnya menjadi tumpuan pelajar-pelajar dari Bahrain kerana Bahasa Inggeris digunakan oleh banyak institusi pengajian tinggi dan cara hidup di sini pula adalah secocok dengan budaya orang Islam.

8. Kami di Malaysia mengikuti dengan penuh minat usaha yang dilakukan oleh Bahrain di bawah kepimpinan Yang Mulia Amir bagi mengukuhkan institusi demokrasi di Bahrain. Kami semua mendoakan agar Bahrain berjaya dalam merangkakan perlembagaan barunya yang kami percaya akan membawa pelbagai manfaat kepada rakyat Bahrain.

9. Malaysia juga mengambil perhatian tentang peranan penting yang dimainkan oleh Bahrain sebagai Pengerusi Majlis Kerjasama Teluk. Kami percaya bahawa kepimpinan Bahrain di dalam Majlis tersebut akan banyak menyumbang kepada kemajuan politik, keadaan keselamatan dan perkembangan ekonomi rantau itu.

10. Malaysia juga mendapati banyak persamaan pendirian di antara Malaysia dan Bahrain terutamanya yang berkaitan isu-isu antarabangsa dan serantau. Mengenai isu Proses Damai Timur Tengah, pendirian Malaysia ialah seperti Bahrain juga iaitu segala penyelesaian perlulah berlandaskan rukun undang-undang antarabangsa seperti yang termaktub di bawah resolusi Majlis Keselamatan PBB 242, 388 dan 425. Atas dasar inilah

Malaysia mendesak agar Israel berundur daripada semua wilayah yang diduduki selepas perang tahun 1967 iaitu termasuklah Tebing Barat dan Gaza di Palestin dan Golan di Syria.

11. Berkenaan isu Palestin pula, pendirian Malaysia dan Bahrain adalah sama juga iaitu berpendapat bahawa selain daripada pengunduran daripada kawasan yang dijajahi, Israel juga mesti menghormati hak orang pelarian Palestin pulang ke negara mereka dan hak mereka untuk mencapai kemerdekaan. Malaysia menyokong sepenuhnya hak-hak Palestin ke atas Baitulmaqdis.

12. Dengan mengambilkira semua kerumitan dalam isu proses damai, Malaysia percaya bahawa keamanan yang berkekalan hanya boleh dicapai sekiranya isu-isu teras di atas ditangani. Sekiranya ada golongan yang hendak mengenakan penyelesaian yang tidak sejajar dengan prinsip-prinsip keadilan, maka tindakan sedemikian akan hanya membawa kepada lebih banyak masalah dan wajar ditentang.

13. Adalah menjadi harapan saya agar lawatan Yang Mulia adalah menggembirakan dan mendatangkan hasil dan Yang Mulia serta delegasi Bahrain yang lain akan turut membawa bersama pelbagai kenangan manis sewaktu di Malaysia apabila pulang ke Bahrain kelak.

14. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat sejahtera dan panjang umur kepada Yang Mulia Shaikh Hamad bin Isa Al Khalifa dan Yang Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa dan kemajuan Kerajaan dan rakyat Bahrain serta semoga hubungan Malaysia dan Bahrain yang mesra akan terus berkekalan.